

30/09/2002

Tumpu aspek moral, rohani

Khairul Anwar Rahmat

KEGIATAN membabitkan belia perlu memberi penekanan terhadap aspek moral dan kerohanian.

Sebagai pemimpin masa depan, golongan muda mesti dilengkapi keperibadian dan jati diri unggul supaya mereka mampu menghadapi cabaran masa depan.

Setiausaha Agung Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Azuan Effendy Zaira, berkata negara membangun tidak mempunyai apa-apa makna jika generasi mudanya banyak terbabit dengan kegiatan tidak bermoral.

Justeru, katanya, peruntukan Bajet 2003 hendaklah memberi tumpuan khusus terhadap aspek membina akhlak terpuji di kalangan belia.

Sehubungan itu, beliau berkata program Rakan Muda Masjid yang dijalankan Kementerian Belia dan Sukan perlu dipertingkatkan dan diberi nafas baru.

Katanya, golongan sasaran bagi program berkenaan perlu menyeluruh dan tidak sekadar berlegar di kalangan peserta yang sama.

Selain itu, katanya, pelaksanaan program bercorak keagamaan perlu dinilai semula dan menggunakan pendekatan yang mampu menarik minat golongan muda.

"Penganjur kegiatan keagamaan perlu lebih kreatif dalam mempersembahkan konsep dan prinsip agama.

"Program tradisional seperti ceramah agama mungkin tidak dapat menarik perhatian remaja kerana ia adalah pendekatan sehalu.

"Oleh itu, semua pihak termasuk pegawai KBS, badan sukarela dan pemimpin pelajar perlu duduk semeja dan berbincang mengenai input yang sesuai untuk remaja hari ini," katanya.

Azuan berkata Bajet 2003 yang dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini disifatkan sebagai bajet yang unik dan mesra belia.

Justeru, katanya, golongan muda perlu memanfaatkan peluang itu dengan membabitkan diri dengan pelbagai kegiatan yang ditawarkan.

Beliau berkata, generasi pelapis negara juga perlu berganding bahu menjayakan pelbagai program belia tanpa mengira perbezaan agama, bangsa serta fahaman politik masing-masing.

"Bajet kali ini mencakupi keseluruhan aspek penting dalam pembangunan belia, termasuk peruntukan dalam bidang pendidikan.

"Kita melihat bidang pendidikan diberi perhatian yang lebih dalam bajet kali ini.

"Dalam konteks ini, sistem pendidikan negara ini perlu bertindak balas kepada perubahan ini bagi memastikan pelajar kita dapat terus bersaing," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata pengukuhan pelajar Bumiputera serta pelajar di desa dalam mata pelajaran matematik, sains dan bahasa Inggeris perlu segera dilaksanakan.

Bagi mencapai matlamat itu, katanya, program peningkatan penggunaan teknologi komunikasi maklumat (ICT) perlu dilaksanakan secepat mungkin.

"Jika cadangan untuk melengkapkan setiap sekolah dengan satu makmal komputer terlaksana, saya percaya pelajar kita akan lebih berdaya saing.

"Bagaimanapun, seiring dengan penerapan ilmu ICT di peringkat pendidikan tinggi, kita juga harus memberikan penumpuan yang khusus terhadap pembelajaran nilai-nilai asas untuk membina insan," katanya.

Azuan berkata, ajaran Islam menegaskan bahawa pembinaan insan harus berteraskan pembinaan akidah, pemurnian adab pekerti serta pemerkasaan semangat juang untuk mengadakan perubahan diri.

Katanya, negara ini memerlukan `ummatic leader' (pemimpin umat) yang mempunyai kualiti kepemimpinan yang tinggi.

Sebab itu, katanya, sebahagian peruntukan program pembangunan belia perlu digunakan untuk menjana nilai keagamaan dan moral sesuai dengan keazaman murni seperti yang dinyatakan.

"Generasi muda harus sedar bahawa tanggungjawab kepemimpinan yang akan diwarisi generasi akan datang, menuntut mereka untuk menjadi pemimpin yang mempunyai daya fikir, berwawasan serta bertindak selaku al-qaidul mufakkir (pemimpin-pemikir) dan al-qaidul murabbi (pemimpin pendidik).

"Atas sebab itulah, maka penggarapan nilai moral dan kerohanian perlu digandingkan dengan ilmu moden seperti ICT dalam program pembangunan belia," katanya.